



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Tinjauan Perspektif Guru terhadap Kepentingan Pembelajaran Sosio-Emosi dalam Meningkatkan Kompetensi Sosio-Emosi Pelajar Sekolah Rendah di Sabah

Open
Access

A Review of Teachers' Perspectives on the Importance of Socio-Emotional Learning in Enhancing the Socio-Emotional Competency of Primary School Students in Sabah

Hanisah Halim¹, Jusiah Idang^{1,*}, Guan Teik Ee¹, Murnizam Halik¹, Sabariah Sharif¹

¹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 29 October 2019

Received in revised form 1 December 2019

Accepted 9 December 2019

Available online 10 December 2019

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk membuat tinjauan mengenai perspektif guru terhadap kepentingan Pembelajaran Sosio-Emosi (PSE) untuk diterapkan kepada pelajar sekolah rendah di Negeri Sabah. Kajian ini juga cuba melihat sekiranya terdapat pengaruh faktor demografi (jantina, umur, taraf pendidikan, tempoh pengalaman bekerja) terhadap perspektif yang dibuat oleh para guru ini. Di samping itu, isu-isu sosio-emosi yang kerap dialami oleh pelajar juga cuba dikenalpasti selain turut meninjau sumber dan teknik yang dipraktikkan oleh para guru dalam mengendalikan isu sosio-emosi tersebut. Kajian ini melibatkan 580 orang responden yang terdiri daripada para guru dari beberapa buah sekolah rendah di Negeri Sabah. Analisis Kekerapan dan Ujian Khi Kuasa Dua telah dijalankan untuk menjawab persoalan kajian. Hasil umum analisis mendapati hampir keseluruhan responden (99.5%) berperspektif bahawa PSE adalah penting kepada para pelajar dengan 43.1% daripadanya memfokuskan kepentingan PSE secara khusus iaitu demi kejayaan pelajar manakala responden selebihnya merasakan PSE adalah sangat penting (40.9%) dan penting (16.0%) secara umum. Bagi pengaruh faktor demografi responden, perbezaan perspektif hanya dapat dilihat dari sudut perbezaan taraf pendidikan yang dimiliki iaitu antara guru lepasan siswazah dengan guru bukan siswazah. Isu sosio-emosi yang ditemukan dalam kalangan pelajar pula adalah pelbagai termasuklah isu perubahan dalam keluarga, sikap menyendiri, buli, gangguan tingkah laku emosi, dan autisma. Dalam mengendalikan isu-isu ini, majoriti responden (36.9%) didapati menggunakan kepelbagaiannya sumber pengendalian manakala kaunselor pembimbing pula dijadikan sandaran khusus para responden apabila berhadapan dengan isu sosio-emosi pelajar. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran awal tentang penerimaan dan kesediaan para guru terhadap PSE sebelum program-program berkaitannya diimplementasikan.

The purpose of this study is to provide a perspective on teachers' perspectives on the importance of Socio-Emotional Learning (PSE) to be applied to primary school students in Sabah. The study also sought to determine if demographic factors (gender, age, education level, duration of work experience) were influenced by these teachers' perspectives. In addition, the socio-emotional issues that students often encounter are

* Corresponding author.

E-mail address: jusiah@ums.edu.my (Jusiah Idang)

also trying to identify as well as reviewing the resources and techniques applied by teachers in dealing with these socio-emotional issues. The study involved 580 respondents consisting of teachers from several primary schools in Sabah. Frequency Analysis and Power Test Two were conducted to answer the research question. The general results of the analysis found that almost all respondents (99.5%) were of the opinion that PSE was important to the students with 43.1% of them focusing on the importance of PSE in the interest of the students while the rest of the respondents felt that the PSE was very important (40.9%) and important (16.0%) generally. In terms of the influence of the demographic factors of the respondents, the perspective difference can only be seen in terms of the degree of educational difference they have between post-graduate and non-graduate teachers. Socio-emotional issues found among students include a variety of issues in family change, loneliness, bullying, emotional disorder, and autism. In addressing these issues, the majority of the respondents (36.9%) were found to be using a variety of resources while the counseling counselor was the sole focus of the respondents when dealing with students' socio-emotional issues. This study is expected to provide an overview of teachers' acceptance and readiness for PSEs before their related programs are implemented.

Kata Kunci:

Perspektif guru; pembelajaran sosio-emosi (PSE); pelajar sekolah rendah, isu sosio-emosi

Keyword:

Teachers' perspectives; socio-emotional learning (PSE); primary school students, socio-emotional issues

Copyright © 2020 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Secara umum, dalam usaha menghadapi cabaran hidup, setiap individu perlu membekalkan diri dengan kekuatan fizikal, emosi, mental, dan spiritual. Secara khususnya pula, kecekapan sosial dan emosi merupakan antara elemen psikologi yang amat penting sebagai pelindung bagi berdepan dengan pelbagai isu dalam persekitaran individu. Menurut kajian berkaitan psikologi perkembangan, ada dibahaskan bahawa kecekapan atau kompetensi sosial dan emosi yang dimiliki dapat membantu individu dalam berdepan ancaman masalah-masalah kesihatan mental [1]. Sosial dan emosi umpsama dua elemen yang tidak dapat dipisahkan seperti mana yang dihujahkan oleh Holt, Bowlby, dan Lea [2] bahawa kebanyakan hubungan sosial yang terbina adalah berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu dan hubungan sosial tersebut dikekalkan dengan melibatkan emosi serta perasaan bagi mendapatkan kepuasan serta sokongan hasil daripada hubungan sosial tersebut.

Mengikut hujah pelbagai teori perkembangan seperti Teori Psikososial Erikson, pembentukan kompetensi sosial dan emosi ini telah bermula sejak bayi dan berkembang dengan begitu pesat semasa usia kanak-kanak [3]. Realitinya, dalam proses perkembangan di zaman moden ini, individu khususnya kanak-kanak di awal persekolahan terpaksa menempuh banyak situasi baharu yang menimbulkan masalah penyesuaian disebabkan wujudnya konflik dalam diri individu bagi memenuhi kehendak persekitarannya [4]. Selain itu, perkembangan emosi dan sosial yang sihat amat penting dalam kehidupan seorang kanak-kanak kerana menjadi asas kepada proses pembelajaran [5]. Menyedari akan kepentingan pembentukan kompetensi sosio-emosi sedari usia kanak-kanak, Pembelajaran Sosio-Emosi (PSE) yang melibatkan elemen kesedaran kendiri, pengurusan diri, kesedaran sosial, kemahiran berhubungan, dan kebertanggungjawaban terhadap penentuan keputusan [6] telah dicetuskan yang bertujuan untuk meningkatkan kompetensi sosio-emosi kanak-kanak yang sedang berada di alam persekolahan. Secara umumnya, terlalu banyak kajian yang telah membuktikan bahawa PSE sangat bermanfaat kepada proses pendidikan dan pertumbuhan pelajar sama ada kepada pelajar normal atau pelajar dengan kelainan upaya [7]. Di sini menunjukkan perihal pentingnya untuk para pelajar khususnya di peringkat awal kanak-kanak untuk memiliki kompetensi

social dan emosi. Jika di peringkat sekolah, kestabilan sosio-emosi para pelajar mampu dicipta dengan wujudnya suasana pembelajaran yang harmoni dan hubungan sosial yang positif. Di sini, para guru dilihat merupakan kunci utama terhadap pembentukan hubungan dan peribadi yang sihat. Menurut Rizalina [5], peranan guru dapat dikategorikan pada tiga bahagian utama iaitu perancang, pelaksana, dan penilai. Dengan ketiga-tiga peranan penting yang dimainkan oleh para guru, menjadikan mereka sebagai antara penentu utama dalam keberhasilan proses peningkatan kompetensi sosio-emosi para pelajar.

Pelbagai program bimbingan dan intervensi telah dirangka di seluruh dunia bagi membantu meningkatkan tahap kompetensi sosio-emosi terutama kepada kanak-kanak di peringkat sekolah. Keberkesanannya juga adalah pelbagai yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun, menurut Leithwood dan McAdie [8], perspektif dan tindakan guru dapat menentukan hasil bagi kebanyakan sumbangan atau kejayaan di sekolah. Para guru turut bertindak sebagai pencetus dan penerus kepada usaha pengimplementasian sebarang program di sekolah. Brackett, Reyes, Rivers, Elbertson, dan Salovey [9] dalam kajian mereka mendapat bahawa kegagalan sesuatu program di sekolah lebih disebabkan oleh implementasi yang kurang efektif berbanding disebabkan oleh kelemahan program itu sendiri. Sokongan para guru terhadap aktiviti pelajar juga dikaitkan dengan penglibatan pelajar yang lebih banyak terhadap sesuatu program [10]. Hal ini juga disokong oleh Schonert-Reichl dalam kajiannya yang berpandangan bahawa para guru ibarat enjin yang dapat memacu kejayaan program dan latihan PSE di sekolah dan bilik darjah disamping kompetensi sosio-emosi para guru sendiri memberi pengaruh yang besar kepada kompetensi sosio-emosi para pelajar [11]. Ini menunjukkan bahawa sokongan, kesediaan dan perspektif para guru terhadap sesuatu program perlulah ambil kira sebagai data yang bermakna dalam usaha merangka perlaksanaan sesuatu program bimbingan.

Beberapa kajian terdahulu berkenaan penerimaan para guru terhadap program pembelajaran sosio-emosi antaranya mendapat bahawa tahap keyakinan dan penerimaan para guru umumnya adalah pelbagai, di mana kepelbagaiannya pandangan ini mungkin dipengaruhi oleh tahap penilaian guru tentang kesannya kepada tugas-tugas dan komitmen yang harus diberikan oleh mereka [12]. Jennings dan Greenberg [13] mendapat bahawa kebanyakan guru di peringkat sekolah pertengahan dan menengah dilaporkan kurang selesa dan kurang bersetuju dengan implementasi PSE kerana dirasakan agak sukar untuk dijalankan dengan berkesan memandangkan jumlah pelajar adalah ramai yang merumitkan proses perlaksanaannya. Hal ini memperlihatkan tahap motivasi yang rendah dalam kalangan para guru yang akan menyukarkan keberkesanannya sesuatu program [14]. Tahap motivasi para guru dalam menjayakan PSE turut dipengaruhi oleh sejauh mana mereka rasa dibantu dan dilatih berkaitan ilmu PSE diuar-uarkan [11]. Bierman [15] dalam *2008 Head Impact Study* pula mendapat kebanyakan guru berasa agak tertekan serta kurang latihan dalam mengimplementasi PSE dengan baik kerana ia memerlukan penyampaian secara berterusan dan konsisten. Walau bagaimanapun, para guru tidak boleh dipersalahkan secara total kerana ketidakselesaan ini berkemungkinan wujud akibat kurang penelitian dan persediaan dalam implementasi program yang dijalankan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya untuk terlebih dahulu membuat tinjauan berkenaan perspektif para guru terhadap kepentingan PSE serta keadaan realiti semasa di peringkat sekolah. Menurut Humphries, Williams, dan May [16], ujian penerimaan awal yang dijalankan terlebih dahulu sebelum sesuatu program diadakan didapati memberi impak yang besar terhadap kejayaan program tersebut. Para guru dilihat lebih meyakini program tersebut lantas menaikkan motivasi mereka untuk menjayakannya.

Di negara Barat seperti Amerika Syarikat adalah antara yang mempelopori pelbagai idea, pendekatan serta inovasi terhadap program seperti program PSE, di mana terdapat satu tinjauan peringkat negara telah dilakukan terlebih dahulu seperti yang dilaporkan oleh Education Week Research Center [17] bagi mengenalpasti apakah perspektif sekolah-sekolah seluruh Amerika

terhadap keperluan PSE. Hasil tinjauan ini mendapati 67 peratus daripada responden berpandangan bahawa PSE adalah amat penting kepada para pelajar sekolah mereka. Kajian Fischer [7] turut menyokong dapatan itu di mana didapati majoriti para guru percaya bahawa piawaian program PSE yang pernah cuba diimplementasikan adalah sangat penting untuk pertumbuhan dan perkembangan para pelajar, namun disebabkan kurangnya latihan dan pemantauan terhadap program ini, kebanyakan guru telah mengabaikan pelaksanaannya yang memerlukan usaha yang berterusan. Ini dikukuhkan oleh hasil kajian Esen-Aygun dan Sahin-Taskin [18] yang mendedahkan bahawa meskipun ramai guru mengaku pernah mendengar tentang konsep PSE, namun tidak ramai yang dapat menerangkan konsep tersebut secara teliti. Dalam kajian lain, didapati bahawa terdapat perbezaan perspektif antara para guru dan pentadbir sekolah atau pengetua yang mana ia memberikan impak berbeza terhadap proses penerapan program PSE ini [19]. Kajian di Taiwan pula mendapati majoriti para guru merasakan peranan menerapkan ilmu PSE adalah bukan peranan utama mereka disebabkan oleh pengaruh sistem pendidikan tradisional masih menebal yang menuntut mereka memberikan fokus yang lebih kepada ilmu akademik semata-mata [20].

Jika dilihat dalam konteks Malaysia pula, kita masih kabur tentang perspektif, penerimaan, dan kesedaran sekolah khususnya para guru tentang kepentingan dan keperluan PSE dalam meningkatkan kompetensi sosio-emosi para pelajar terutama di peringkat sekolah rendah memandangkan kajian ke arah ini amat kurang dijalankan oleh pengkaji di Malaysia. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini yang secara langsung ingin meninjau perspektif para guru terhadap kepentingan pembelajaran sosio-emosi (PSE) adalah amat relevan untuk dijalankan. Selain itu, kajian ini juga secara khusus ingin meneliti pengaruh faktor demografi guru (jantina, umur, taraf pendidikan, dan tempoh pengalaman bekerja) terhadap perspektif yang dibuat. Di samping itu, isu-isu sosio-emosi yang kerap terjadi dalam kalangan pelajar juga cuba dikenalpasti dalam kajian ini agar realiti semasa dapat lebih difahami. Tinjauan berkaitan sumber dan teknik pengendalian isu sosio-emosi pelajar oleh para guru juga menjadi sebahagian daripada objektif sampingan kajian ini. Kesemua objektif yang cuba dicapai dalam kajian ini diharap dapat memberi gambaran awal yang penting mengenai penerimaan dan kesediaan para guru serta kesesuaian perlaksanaan sesuatu kaedah atau program yang berkaitan PSE di peringkat sekolah rendah.

2. Metodologi

Kajian ini telah mengambil rekabentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah borang soal selidik di mana ia dimulakan dengan perangkaan borang soal selidik oleh kumpulan penyelidik dengan mengambil kira objektif-objektif kajian. Setelah itu, borang soal selidik diedarkan ke beberapa buah sekolah rendah di negeri Sabah melalui bantuan para pelajar yang yang juga merupakan guru di sekolah berkenaan dan sedang menjalani kursus dalam perkhidmatan di universiti. Para guru yang telah diberikan borang soal selidik dimaklumkan untuk mengisi borang soal selidik tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum borang tersebut dikembalikan semula. Penyertaan responden adalah secara sukarela tanpa bernama. Setelah pengumpulan semula borang soal selidik dibuat pengkaji meneruskan langkah seterusnya iaitu menganalisis data mentah tersebut. Analisis dijalankan dengan menggunakan perisian IBM SPSS edisi ke 24. Kedua-dua teknik analisis deskriptif dan inferensi digunakan yang bertujuan untuk mengukur dan menguji hipotesis yang telah dibina.

2.1 Subjek dan Lokasi Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada 580 orang responden yang terdiri daripada kalangan para guru yang berkhidmat di beberapa buah sekolah rendah di seluruh pelusuk negeri Sabah. Para guru ini telah dipilih secara rawak tanpa mengambil kira latar belakang demografi.

2.2 Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik Tinjauan Pembelajaran Sosial dan Emosi dalam Kalangan Kanak-kanak Sekolah Rendah yang telah direkabentuk oleh kumpulan penyelidik bagi tujuan khas kajian ini. Borang soal selidik ini telah memperoleh status kesahan oleh pakar bagi membolehkannya digunakan dalam kajian ini. Bagi status kebolehpercayaan alat kajian ini, nilai Cronbach Alpha berada pada tahap sederhana tinggi yang memuaskan iaitu 0.703. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A yang berkaitan maklumat demografi subjek seperti jantina, umur, etnik, tempoh bekerja, pendidikan ikhtisas, pendidikan akademik, kelas mengajar, dan sekolah. Bahagian B pula terdiri daripada tujuh soalan yang berkaitan tinjauan pembelajaran sosial dan emosi. Untuk bahagian ini, soalannya adalah berbentuk pemeringkatan skala dan juga aneka pilihan. Soalan-soalan yang dirangka telah mengambil kira matlamat utama dan sampingan kajian ini iaitu untuk mendapatkan maklumat berkenaan perspektif guru terhadap keperluan PSE, mengenalpasti isu-isu sosio-emosi yang berlaku di sekolah, serta teknik yang digunakan dalam mengendalikan isu-isu tersebut.

3. Keputusan Kajian

3.1 Maklumat demografi

Daripada keseluruhan 580 orang responden yang dipilih, melalui analisis kekerapan yang dibuat menunjukkan 362 orang responden adalah guru perempuan, manakala 218 adalah guru lelaki. Analisis juga menunjukkan lingkungan umur terbanyak diwakili oleh guru yang berumur 20-an hingga 30-an iaitu seramai 326 orang, diikuti 253 orang yang berumur antara 40-an hingga 50-an, dan hanya seorang responden berumur 50-an ke atas. Bagi taraf pendidikan pula, majoriti responden iaitu seramai 386 orang merupakan guru lepasan siswazah dan selebihnya guru bukan siswazah. Selain itu, seramai 340 orang responden merupakan para guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun, manakala selebihnya belum mencapai pengalaman sehingga 10 tahun.

3.2 Perspektif guru terhadap kepentingan PSE

Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil dapatan bagi fokus utama kajian ini iaitu perspektif para guru tentang kepentingan pembelajaran sosio-emosi (PSE) kepada pelajar sekolah rendah di mana teknik analisis deskriptif dengan membandingkan kekerapan serta peratusan jawapan yang diberikan oleh responden telah digunakan. Keputusan secara umum menunjukkan majoriti responden berperspektif bahawa PSE adalah penting kepada para pelajar iaitu sebanyak 250 orang responden (43.1 %) memberikan jawapan bahawa PSE “penting untuk kejayaan pelajar”, 237 orang responden (40.9 %) menjawab “sangat penting”, dan 90 orang responden (15.5 %) menjawab “penting”. Hanya 3 orang responden (0.5 %) menganggap PSE sebagai tidak penting untuk diterapkan kepada pelajar sekolah rendah.

Bagi penelitian yang dibuat terhadap faktor demografi (jantina, umur, taraf pendidikan, tempoh pengalaman bekerja) yang mungkin mempengaruhi perspektif para responden, ujian Khi Kuasa dua telah digunakan setelah mengambil kira jenis skala pengukuran yang digunakan di mana pemboleh ubah bebas iaitu faktor demografi (jantina, umur, taraf pendidikan, tempoh pengalaman bekerja) adalah berbentuk nominal, manakala pemboleh ubah terikat iaitu perspektif guru adalah berbentuk ordinal. Hasil ujian ini seperti yang terdapat dalam Jadual 2 menunjukkan perbezaan yang signifikan hanya wujud dalam perspektif guru yang berpendidikan siswazah dengan guru yang bukan siswazah, ($\chi^2 = 9.035$, $k < .05$) di mana Pearson Khi Kuasa dua mencatat nilai 9.035 pada aras signifikan 0.029 yang mana lebih kecil dari nilai alfa 0.05. Hubungan yang wujud antara keduanya pula dilihat berdasarkan nilai kuasa dua pekali Phi Cramer yang mencatat 0.125 di mana menurut Cohen [15], pekali Phi Cramer terbahagi kepada tiga iaitu 0.01 = hubungan rendah, 0.09 = hubungan sederhana, dan 0.25 = hubungan tinggi. Oleh itu, hubungan yang wujud dalam kes ini adalah sederhana kerana ia lebih menghampiri nilai 0.09 = hubungan sederhana.

Jadual 1

Kepentingan Pembelajaran Sosio-Emosi

		Kepentingan PSE			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak penting	3	.5	.5	.5
	Penting	90	15.5	15.5	16.0
	sangat penting	237	40.9	40.9	56.9
	penting untuk kejayaan pelajar	250	43.1	43.1	100.0
Total		580	100.0	100.0	

Jadual 2


perbezaan signifikan perspektif guru siswazah dengan guru bukan siswazah

Chi-Square Tests			
	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	9.035	3	.029
Likelihood Ratio	8.868	3	.031
Linear-by-Linear Association	8.660	1	.003
N of Valid Cases	580		

3.3 Isu sosio-emosi pelajar

Hasil dapatan secara keseluruhan menunjukkan isu sosio-emosi yang kerap terjadi kepada pelajar berdasarkan pemerhatian responden adalah pelbagai iaitu 59.8 % atau sebanyak 347 orang responden daripada 580 orang telah memilih lebih dari satu isu atau jawapan. Isu sosio-emosi yang terjadi ini mungkin melibatkan lebih dari satu gandingan isu bagi sesebuah kelas. Bagi lebih memahami hasil dapatan, analisis dalaman telah dilakukan dengan menggunakan teknik regresi mudah untuk melihat jika terdapat pengaruh lain terutamanya pengaruh demografi terhadap pemilihan jawapan responden. Hasil daripada pekali regresi ($Beta = -0.083$), ($t = -2.001$, $k > .05$) hanya menunjukkan hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan seseorang responden dengan corak pemilihan jawapan bagi isu sosio-emosi yang disedari. Bermakna, taraf pendidikan guru boleh mempengaruhi tahap kepekaan dalam mengesan isu sosio-emosi yang berlaku dalam kalangan pelajar mereka yang menyebabkan pilihan jawapan yang diberikan adalah lebih dari satu. Rajah 1 di


bawah menunjukkan pecahan isu sosio-emosi yang dihadapi oleh pelajar berdasarkan jawapan responden.



Rajah 1. Isu sosio-emosi dalam kelas

3.4 Kaedah/teknik pengendalian isu sosio-emosi pelajar.

Bagi kaedah khusus yang kerap digunakan untuk mengendalikan isu sosio-emosi pula, seramai 289 orang responden (49.8 %) memilih untuk menghantar pelajar yang mempunyai isu sosio-emosi untuk berjumpa kaunselor pembimbing dan 141 orang responden iaitu (24.3 %) pula memilih melakukan lebih dari satu kaedah yang dicadangkan. Pecahan kaedah selebihnya boleh dilihat dalam rajah 2 di bawah.



Rajah 2. Teknik menangani Tingkah laku Pelajar

4. Perbincangan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif para guru terhadap kepentingan pembelajaran sosio-emosi (PSE) untuk diterapkan kepada pelajar sekolah rendah di Negeri Sabah. Dalam pada itu, kajian ini juga cuba memperdalam skop perspektif yang dikaji apabila turut mengaitkannya dengan faktor demografi (jantina, umur, taraf pendidikan, tempoh pengalaman bekerja) setelah mengambil kira hasil kajian oleh Collie dan rakan-rakan [12] yang melaporkan bahawa perspektif dan penerimaan para guru terhadap PSE adalah pelbagai kerana dipengaruhi oleh banyak faktor termasuklah faktor peribadi dan faktor umum. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sama ada terdapat perbezaan perspektif berdasarkan faktor demografi (jantina, umur, taraf pendidikan, tempoh pengalaman bekerja) dalam kalangan para guru tersebut. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti isu-isu sosio-emosi yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah rendah yang dikaji, di samping cuba meneliti sumber dan teknik yang ada dan kerap kali digunakan oleh para guru terbabit dalam usaha mengendalikan isu-isu tersebut.

4.1 Perspektif guru terhadap kepentingan PSE

Berdasarkan hasil dapatan yang telah dilaporkan dalam kajian ini, didapati hampir keseluruhan responden iaitu 99.5% berperspektif bahawa PSE adalah penting kepada para pelajar mereka. Dapatan ini sehaluan dengan tinjauan yang pernah dijalankan di Amerika melalui *Education Week Research Center* [17] untuk mengenal pasti perspektif sekolah seluruh Amerika terhadap kepentingan PSE di mana 67% responden menyatakan PSE amat penting di sekolah. Ini menunjukkan majoriti para guru di kedua-dua lokasi kajian secara umumnya mempunyai perspektif yang sama, namun dapatan yang lebih spesifik ditemui dalam kajian ini di mana hasil dapatan menunjukkan majoriti para guru bukan sahaja berperseptif bahawa PSE adalah amat penting atau penting kepada pelajar, bahkan menganggap PSE penting demi kejayaan pelajar. Hal ini menunjukkan kebanyakan guru sudah semakin memahami fungsi dan peranan PSE serta yakin bahawa PSE dapat menyumbang ke arah kecemerlangan pelajar dalam segenap segi seperti yang dikemukakan oleh banyak kajian terdahulu [21] [6] [22]. Perspektif yang dipegang oleh kebanyakan guru ini mungkin terbit hasil dari pengamatan bahawa kebanyakan pelajar yang mencapai kecemerlangan di sekolah biasanya terdiri daripada pelajar yang mempunyai karakter yang stabil dan seimbang dari sudut sosial, emosi, kognitif dan tingkah laku serta lebih mudah diurus dan dididik. Melalui pemerhatian, para guru semakin meyakini kepentingan PSE mampu membawa kejayaan kepada pelajar mereka. Oleh itu, secara dasarnya, dapatan kajian ini menyokong hipotesis yang dibina yang menyatakan para guru berperspektif bahawa PSE adalah penting kepada pelajar.

Selain itu, kajian ini turut menyokong hipotesis yang menyatakan terdapat perbezaan perspektif yang signifikan antara guru lepasan siswazah dengan guru bukan siswazah. Dalam erti kata yang lain, para guru yang berpendidikan lebih tinggi iaitu di peringkat siswazah mempunyai perspektif yang agak berbeza berbanding para guru yang berpendidikan lebih rendah. Perbezaan perspektif adalah disebabkan oleh perbezaan motivasi diri yang wujud akibat jurang taraf pendidikan [14]. Motivasi diri yang dikaitkan di sini boleh membawa maksud tahap minat dan kesungguhan guru dalam membuat penilaian tentang sesuatu isu yang wujud di sekolah. Guru yang berpendidikan lebih rendah mungkin kurang mengambil bahagian dalam membincangkan sesuatu isu kerana khuatir idea ditolak dan sebagainya. Hal ini mungkin berkait rapat dengan perasaan rendah diri yang ditemui juga wujud dalam diri para guru di sekolah akibat jurang pendidikan [12].

4.2 Isu sosio-emosi pelajar

Hasil berkaitan isu sosio-emosi yang kerap terjadi di sekolah berdasarkan kajian ini telah menyokong Teori Psikososial Erikson yang mengusulkan bahawa kanak-kanak pada tahap ini sememangnya berada dalam konflik diri dan sosial yang pelbagai [23]. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan majoriti guru dapat mengesahkan pelbagai atau lebih dari satu isu sosio-emosi yang wujud pada pelajar mereka. Seperti yang diusulkan oleh teori ini, pada umur 7 hingga 12 tahun, para pelajar berada dalam peringkat industri melawan rasa rendah diri. Dalam erti kata lain, pelajar perlu menguasai kemahiran-kemahiran tertentu di alam persekolahan kerana kegagalan menguasainya akan membawa kepada rasa rendah diri dan tiada keupayaan yang juga membawa kepada isu dan konflik sosio-emosi yang lainnya. Hasil dapatan yang menunjukkan pelbagai isu sosio-emosi telah wujud dalam kalangan pelajar turut membawa maksud yang kurang baik di mana kebanyakan para pelajar lebih terjebak dalam perasaan rendah diri berbanding mempunyai rasa industri. Oleh itu, perancangan pengimplementasian PSE pada masa hadapan haruslah lebih berfokus ke arah mempertingkat keyakinan dan harga diri pelajar agar isu sosio emosi yang dihadapi dapat diurus dengan baik [24].

Hasil ujian regresi pula mendapati tempoh pengalaman bekerja boleh mempengaruhi penilaian guru terhadap isu sosio-emosi yang wujud. Ini bermakna, semakin banyak pengalaman seseorang guru, maka semakin bertambah kepekaan dan penilaian kritikal yang dapat dilakukan dalam mengesahkan dan memahami isu sosio-emosi yang timbul di dalam kelas. Bahagian ini mungkin dapat menyokong kembali kenyataan Raphael dan Burke [25] yang menegaskan pengalaman amat penting untuk menilai kesediaan para guru untuk menjalankan PSE. Hal ini kerana guru yang lebih berpengalaman telah berhadapan dengan lebih banyak isu sosio-emosi di sekolah berbanding guru baharu. Oleh itu, hipotesis kajian yang menyatakan isu sosio-emosi yang wujud adalah pelbagai dapat disokong oleh dapatan kajian.

4.3 Teknik pengendalian isu sosio-emosi pelajar

Bagi penggunaan teknik atau kaedah khusus dalam mengendalikan isu sosio-emosi pelajar, majoriti guru telah memperlihatkan kerjasama dan kepercayaan yang tinggi terhadap kaunselor pembimbing apabila mereka selesa untuk merujuk pelajar-pelajar yang mempunyai isu sosio-emosi kepada kaunselor pembimbing yang ditugaskan di sekolah. Hal ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi oleh guru terhadap perkhidmatan dan kepakaran yang ada pada kaunselor di sekolah di mana hal ini membenarkan kajian yang dilakukan oleh Mehzudil dan Oksal [26] yang mendapati lebih dari 80 % guru sekolah rendah amat yakin bahawa kaunselor di sekolah telah memainkan peranan yang mencukupi dan bersesuaian dengan kehendak semasa sekolah. Atas kapasiti ini, kaunselor pembimbing dianggap penting di sekolah untuk sama-sama membantu para guru dan pihak sekolah bagi menguruskan pelbagai isu pelajar. Walau bagaimanapun, kaedah lain turut digunakan apabila perlu dalam mempelbagaikan cara pengendalian isu di mana ini menunjukkan para guru mempunyai satu sistem sokongan dan alternatif yang baik dan pelbagai dalam berhadapan dengan isu pelajar. Sistem sokongan yang sedemikian amat-amat diperlukan oleh guru untuk memastikan hasil yang proaktif di sekolah menurut Teori Perubahan Fullan [14].

5. Implikasi Dan Cadangan

Secara umumnya, hasil kajian ini diharap dapat menjadi sumber rujukan dan sebahagian daripada proses awal dalam meneliti kebersediaan dan kesesuaian sesuatu program PSE untuk

diimplementasikan dalam konteks sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Mengetahui secara kasar sahaja bahawa para guru menganggap PSE adalah penting belum mencukupi untuk memberi gambaran bahawa sebarang program PSE akan mendapat sokongan para guru dan menemui keberhasilan. Lebih dari itu harus diketahui bahawa para guru mahu PSE ini dapat menyumbang kepada kejayaan pelajar terutama dari sudut akademik. Oleh itu, pihak yang cuba merangka program PSE harus memberi lebih perhatian akan kehendak para guru agar semangat untuk menyokong dan mengaplikasikan program yang dirancang adalah tinggi.

Sebagai tambahan, hasil kajian ini juga diharap dapat menjadi penanda aras dalam menilai penerimaan dan pengetahuan para guru khususnya di Sabah terhadap PSE. Setelah mengenalpasti perspektif para guru ini, langkah seterusnya harus dilaksanakan, misalnya seperti menyediakan latihan yang berkaitan kepada para guru, menyalurkan dana dan kemudahan kepada pihak sekolah untuk memperkasa aktiviti yang dapat menyumbang ke arah peningkatan kompetensi sosio-emosi pelajar, dan seumpamanya.

Selain itu juga, dengan hasil kajian ini, kita dapat menilai isu-isu, serta kaedah semasa yang sedang dan pernah digunakan oleh para guru dan pihak sekolah dalam mengendalikan isu sosio-emosi pelajar. Dengan mengetahui hal ini, penilaian semula dapat dibuat sama ada perlu dikekalkan, diubah, atau menambahbaik pendekatan-pendekatan sedia ada bagi memastikan hasil yang lebih berkesan pada masa hadapan.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, PSE merupakan elemen pendidikan yang amat penting kepada setiap pelajar di setiap peringkat usia kerana ia akan menyumbang pada kesejahteraan diri pelajar bukan sahaja dari segi pembangunan diri pelajar, bahkan membantu dari segi pencapaian akademik. Daripada initipati kajian ini, guru dapat dilihat sebagai ‘alat’ atau ‘agen perubahan’ yang penting dan utama dalam menyemai elemen PSE sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada para pelajar kerana guru merupakan pendidik yang mampu membentuk diri seseorang manusia selain ibu bapa. Seorang pendidik haruslah terlebih dahulu terdidik supaya didikan yang diberikan tidak terpesong. Oleh itu, para guru harus disediakan dari segenap segi untuk memperjuangkan PSE yang dikatakan amat penting untuk kejayaan pelajar. Lebih dari tu, semua pihak bermula dari pelajar, ibu bapa, guru-guru, serta masyarakat seluruhnya harus diberi kesedaran dan ilmu berkaitan PSE mengikut pada kesesuaian tahap agar seluruh rakyat mempunyai tahap sosio-emosi yang memberangsangkan yang menjurus kepada kesihatan fizikal, mental, emosi, dan sosial yang juga memberangsangkan. Tuntasnya, perspektif majoriti guru bahawa PSE adalah penting kepada para pelajar merupakan tanda penerimaan awal yang positif terhadap program-program berkaitan PSE yang mungkin dalam perancangan untuk dilaksanakan di sekolah. Kesediaan para guru ini pasti dapat menambah keberkesanan sesuatu program yang sekaligus dapat meningkatkan kompetensi sosio-emosi para pelajar.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah mendapat dana pembudayaan penyelidikan (RAGS) berupa *grant* daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (RAG0057-SSI-2014).

Rujukan

- [1] Stefan, Catrinel A., and Mircea Miclea. "Effects of a multifocused prevention program on preschool children's competencies and behavior problems." *Psychology in the Schools* 50, no. 4 (2013): 382-402.
- [2] Holt, Louise, Sophie Bowlby, and Jennifer Lea. "Emotions and the habitus: Young people with socio-emotional differences (re) producing social, emotional and cultural capital in family and leisure space-times." *Emotion, Space*

- and Society 9 (2013): 33-41.
- [3] Kamarulzaman Kamaruddin (2011). Psikologi perkembangan: Panduan untuk guru. Selangor, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [4] Yahaya, Azizi, Yusof Boon, and Amir Hamzah Abdul. "Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar." (2010): 1-11.
- [5] Mat Radzi, Rizalina. "Peranan guru dan ibu bapa merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti bermain." PhD diss., Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.
- [6] Durlak, Joseph A., Roger P. Weissberg, Allison B. Dymnicki, Rebecca D. Taylor, and Kriston B. Schellinger. "The impact of enhancing students' social and emotional learning: A meta-analysis of school-based universal interventions." *Child development* 82, no. 1 (2011): 405-432.
- [7] Fischer, Stacy N. "Teacher perceptions of the social emotional learning standards." (2017).
- [8] Leithwood, Ken, and Pat McAdie. "Teacher working conditions that matter." *Education Canada* 47, no. 2 (2007): 42-45.
- [9] Brackett, Marc A., Maria R. Reyes, Susan E. Rivers, Nicole A. Elbertson, and Peter Salovey. "Assessing teachers' beliefs about social and emotional learning." *Journal of Psychoeducational Assessment* 30, no. 3 (2012): 219-236.
- [10] Strati, Anna D., Jennifer A. Schmidt, and Kimberly S. Maier. "Perceived challenge, teacher support, and teacher obstruction as predictors of student engagement." *Journal of Educational Psychology* 109, no. 1 (2017): 131.
- [11] Schonert-Reichl, Kimberly A. "Social and emotional learning and teachers." *The Future of Children* (2017): 137-155.
- [12] Collie, Rebecca J., Jennifer D. Shapka, Nancy E. Perry, and Andrew J. Martin. "Teachers' beliefs about social-emotional learning: Identifying teacher profiles and their relations with job stress and satisfaction." *Learning and Instruction* 39 (2015): 148-157.
- [13] Jennings, Patricia A., and Mark T. Greenberg. "The prosocial classroom: Teacher social and emotional competence in relation to student and classroom outcomes." *Review of educational research* 79, no. 1 (2009): 491-525.
- [14] Fullan, Michael. *What's worth fighting for in headship?*. McGraw-Hill Education (UK), 2008.
- [15] Bierman, Karen L., Celene E. Domitrovich, Robert L. Nix, Scott D. Gest, Janet A. Welsh, Mark T. Greenberg, Clancy Blair, Keith E. Nelson, and Sukhdeep Gill. "Promoting academic and social-emotional school readiness: The Head Start REDI program." *Child development* 79, no. 6 (2008): 1802-1817.
- [16] Humphries, Marisha L., Brittney V. Williams, and Tanginia May. "Early Childhood Teachers' Perspectives on Social-Emotional Competence and Learning in Urban Classrooms." *Journal of applied school psychology* 34, no. 2 (2018): 157-179.
- [17] Education Week Research Center (2015). Findings from a national survey; Social and emotional learning: Perspectives from America's schools. Education Inc.: Bethesda, MD.
- [18] Esen-Aygun, Hanife, and Cigdem Sahin-Taskin. "Teachers' Views of Social-Emotional Skills and Their Perspectives on Social-Emotional Learning Programs." *Journal of Education and Practice* 8, no. 7 (2017): 205-215.
- [19] Doss, Christopher Joseph, William R. Johnston, and Goke Akinniranye. "Are Educators Setting Goals for Social-Emotional Learning?." (2019).
- [20] Wilkinson, J. Eric, and Chia-Pin Kao. "Aspects of socio-emotional learning in Taiwan's pre-schools: an exploratory study of teachers' perspectives." *International Journal of Child Care and Education Policy* 13, no. 1 (2019): 1.
- [21] Cohen, B. H. "Explaining psychological statistics. Pacific Grove, CA: Brooks." (1996).
- [22] Correia, Karla, and Alexandra Marques-Pinto. ""Giant Leap 1": A Social and Emotional Learning program's effects on the transition to first grade." *Children and youth services review* 61 (2016): 61-68.
- [23] Coelho, Vitor Alexandre, Marta Marchante, and Vanda Sousa. ""Positive Attitude": A multilevel model analysis of the effectiveness of a Social and Emotional Learning Program for Portuguese middle school students." *Journal of adolescence* 43 (2015): 29-38.
- [24] Levine, L. E., & Munsch, J. (2014). *Child development: an active learning approach* (2nd ed.). SAGE Publications: Kanada.
- [25] Raphael, Lisa M., and Meghan Burke. "Academic, social, and emotional needs in a middle grades reform initiative." *RMLE Online* 35, no. 6 (2012): 1-13.
- [26] Ekin, Mehzudil Tugba Yildiz, and Aynur Oksal. "Elementary school teacher perceptions of school counselor effectiveness." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 47 (2012): 1917-1921.